

PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA DALAM SARI KATA DRAMA *FLAG OF TRUTH*

¹Noor Eliza Abdul Rahman, ²Raja Hazirah Raja Sulaiman & ³Najihah Abdul Wahid

^{1,2}Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

³Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

nooreliza@unisza.edu.my

hazirah@unisza.edu.my

anajihah@unisza.edu.my

Abstrak

Kajian ini membincangkan penterjemahan unsur-unsur budaya Arab ke dalam bahasa Melayu dengan menumpukan kepada strategi penterjemahan yang digunakan oleh penyari kata dalam sari kata drama Arab berjudul *Flag of Truth*. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi penterjemahan yang diaplikasi oleh penyari kata dalam menterjemahkan unsur budaya dalam drama ini di samping mencadangkan strategi penterjemahan yang sesuai bagi penterjemahan unsur budaya dalam teks sari kata. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan analisis kandungan untuk mendapatkan data. Kajian ini berpandukan kepada strategi penterjemahan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh terjemahan seperti Newmark (1988) dan Baker (1992). Sebanyak sembilan sampel dipilih untuk dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan strategi-strategi penterjemahan seperti penterjemahan literal, peminjaman, padanan fungsian, padanan budaya, modulasi dan kuplet digunakan dalam menterjemah unsur budaya. Strategi modulasi dan kata pinjaman kerap digunakan untuk menangani unsur budaya ini. Kajian ini mencadangkan strategi asimilasi digunakan untuk menangani perkataan budaya sumber yang sudah diserap ke dalam bahasa Melayu. Manakala bagi budaya yang sudah dikenali atau turut terdapat dalam budaya sasaran namun masih belum diserap ke dalam bahasa Melayu, ditangani dengan strategi penterjemahan literal. Di samping itu, budaya khusus masyarakat Arab yang belum terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu pula harus ditangani dengan mengambil kira makna fungsi dan bentuk. Budaya ini boleh ditangani dengan strategi-strategi yang dikemukakan mengikut kesesuaian makna, konteks ayat dan keperluan untuk menyampaikan mesej drama kepada penonton sasaran. Kewujudan visual juga boleh dimanfaatkan oleh penyari kata dalam menangani unsur budaya yang sukar diterjemahkan.

Kata kunci: *penterjemahan Arab-Melayu; budaya Arab; strategi penterjemahan.*

1. PENGENALAN

Proses penterjemahan bukan hanya melibatkan masalah bahasa, tetapi juga menyentuh aspek komunikasi silang budaya. Seorang penterjemah harus memahami bahasa sumber bukan hanya dari segi linguistik, tetapi juga dari segi latar belakang budayanya. Menurut Dayang Zainon (2008, 470), budaya ialah himpunan pengalaman yang kompleks yang menentukan kehidupan seharian. Aspek budaya juga merangkumi sejarah, struktur sosial, agama, adat tradisi dan alat kegunaan seharian. Bahasa merupakan sebahagian daripada elemen-elemen yang membentuk budaya. Melalui bahasa yang digunakan tergambar elemen budaya, kerana bahasa adalah alat ekspresi budaya bagi sesebuah masyarakat. Apabila mendekati sesuatu

budaya, maka akan bermulalah satu proses terjemahan. Nida (1996, 83) membahagikan masalah budaya kepada beberapa bahagian, iaitu, budaya ekologi, budaya material, budaya sosial, budaya agama dan budaya linguistik. Manakala Newmark (1988, 99) pula mengklasifikasikan aspek budaya kepada budaya ekologi, budaya material (artifak), budaya sosial-pekerjaan dan masa lapang, budaya organisasi, adat resam, konsep dan budaya gerak tubuh dan isyarat. Kajian ini hanya menumpukan kepada tiga aspek budaya iaitu, budaya ekologi, material dan sosial dengan melihat strategi-strategi penterjemahan yang digunakan oleh penyari kata dalam penterjemahan budaya sosial Arab kepada bahasa Melayu.

2. DEFINISI BUDAYA EKOLOGI, MATERIAL DAN SOSIAL

2.1 Budaya Ekologi

Perkataan ekologi bermaksud ilmu yang mengkaji makhluk hidup di habitatnya atau suatu ilmu yang mengkaji struktur dan fungsi alam, serta manusia sebagai sebahagian daripada alam persekitaran semula jadi (Saber 1986, 1). Ekologi merupakan ilmu yang membincangkan ciri-ciri geografi seperti bentuk muka bumi, iklim, tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Dalam masyarakat Melayu yang kaya dengan tanaman padi dan menjadikan nasi sebagai makanan asasi mereka, wujud perkataan 'padi', 'beras', 'antah' dan 'nasi'. Perkataan ini diterjemahkan kepada أرز atau رز sahaja dalam bahasa Arab (Anzaruddin 2005, 462). Bagi masyarakat Arab pula, oleh kerana tamar atau kurma merupakan antara tanaman yang menjadi makanan utama mereka, maka wujud banyak perkataan bagi kurma mengikut peringkat kematangannya seperti رطب, بيسر, and تمر. Begitu juga dengan unta yang dikenali dengan pelbagai nama seperti جمل، ناقه، بعير، and إبل. Situasi ini menggambarkan perbezaan budaya ekologi antara kedua-dua bangsa memberi cabaran kepada penterjemah dalam mencari padanan yang tepat bagi perkataan yang berunsurkan budaya tersebut.

2.2 Budaya Material

Hanley (1997, 12) memberikan definisi budaya material sebagai "...the physical objects that people use or consume in their everyday lives, most of which are either made or else natural objects put to specific use of people." (... objek fizikal yang digunakan oleh manusia dalam kehidupan harian mereka, yang kebanyakan objek tersebut dicipta atau wujud semula jadi dan digunakan secara khusus oleh manusia). Definisi budaya material yang diberikan oleh Hanley merangkumi perkara asas dalam kehidupan, iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Budaya material merujuk pada objek konkrit yang digunakan dalam kehidupan seharian pengamal sesuatu budaya. Walaupun budaya material berbentuk objek, ia berkait rapat dengan soal pemikiran dan nilai budaya tertentu serta diungkapkan dalam bentuk istilah yang khusus.

Newmark (1988, 97-98) mengkategorikan budaya material kepada empat aspek, iaitu makanan, pakaian, bangunan dan pengangkutan. Puteri Roslina (2008, 498) menambah aspek peralatan dan permainan dalam kategori budaya ini. Masalah sering timbul dalam menterjemah aspek budaya material yang tidak wujud dalam bahasa sasaran. Dalam aspek makanan contohnya, nama-nama makanan seperti طبولة، ريش، حمص، dan بسبوسة tidak ada padanan yang tepat dalam bahasa Melayu (Majdi 2009: 169). Begitu juga dengan pakaian. Orang Arab Libya misalnya, memakai pakaian-pakaian dipanggil السرية، الغرملة، الزبون، dan sebagainya yang tidak boleh

diterjemahkan dengan tepat dalam bahasa Melayu (Maheram 2008, 287). Masyarakat Melayu juga memiliki makanan tradisi yang sukar diterjemahkan seperti nasi himpit, lepat pisang, lontong, ketupat dan lempang. Demikian juga dengan pakaian tradisional Melayu seperti baju kurung, kebaya, sampin dan baju Melayu. Perkataan-perkataan seperti ini memerlukan ketelitian dan kebijaksanaan penterjemah dalam menanganinya.

2.3 Budaya Sosial

Newmark (1988, 98) mentakrifkan budaya sosial sebagai perkara-perkara yang berkaitan dengan pekerjaan, kumpulan-kumpulan manusia serta aktiviti masa senggang manusia. Menurut Norazit (1989, 7), sistem sosial yang dimaksudkan ialah institusi-institusi sosial seperti ekonomi, kekeluargaan, politik dan aktiviti-aktiviti kehidupan yang lain dan nilai-nilai yang mengawal kehidupan manusia. Perbincangan tentang budaya sosial lebih luas berbanding budaya-budaya lain. Budaya sosial merangkumi aspek penggunaan kata ganti nama, nama panggilan, nama gelaran dan semua yang berkait dengan amalan, adat kebiasaan, aktiviti harian dan sebagainya.

Antara contoh budaya sosial Arab yang tiada padanan dalam bahasa Melayu ialah amalan الكبيسة (menambah bilangan hari dalam setahun agar musim-musim dalam tahun tersebut tetap urutannya) dan amalan النسبيء (mengakhir atau menangguhkan bulan) (Reha 2009, 254). Begitu juga dengan adat resam perkahwinan seperti الفقه (hari Isnin, pengantin lelaki menghantar alat-alat solek/ barang-barang perhiasan kepada pengantin perempuan) dan ليلة الخيمة (hari menghias pengantin perempuan) dan lain-lain lagi (Abdul Basir 2002, 79). Masyarakat Melayu juga kaya dengan adat istiadat dalam perkahwinan seperti majlis akad nikah, majlis berinai, majlis khatam Quran, upacara persandingan, upacara bersiram dan sebagainya. Perkataan-perkataan yang berkait dengan amalan, adat, upacara atau majlis ini menyukarkan penterjemah untuk mencari padanannya.

2. DEFINISI SARI KATA

Luyken et al. (1991, 31) memberikan definisi sari kata sebagai "... *condensed written translations of original dialogue which appear as lines of text, usually positioned towards the foot of the screen. Subtitle appear and disappear to coincide in time with the corresponding portion of the original dialogue.*" (... terjemahan dialog asal yang diringkaskan, muncul sebagai baris teks, biasanya diletakkan di kaki skrin. Sari kata disisipkan dan dikeluarkan bertepatan dengan masa paparan dialog asal). Wan Amizah (1998, 2) memberikan definisi sari kata sebagai dialog atau pengucapan daripada suatu bahasa sasaran dalam sesebuah rancangan yang dibuat dalam bentuk tulisan dan ditindih di atas layar filem atau skrin televisyen serta bersinkronis dengan dialog atau pengucapan bahasa sumber. Kesimpulannya, sari kata ialah terjemahan dialog atau skrip, yang ditayangkan serentak di bahagian bawah skrin TV dan disari ringkas mungkin serta melalui proses penyuntingan, demi memenuhi kekangan ruang dan masa.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menggariskan objektif yang perlu dicapai sebagaimana berikut:

- i. Mengenal pasti strategi penterjemahan yang digunakan oleh penyari kata dalam menterjemah unsur budaya ekologi, material dan sosial.

- ii. Mencadangkan strategi penterjemahan yang sesuai bagi penterjemahan unsur budaya dalam teks sari kata.

4. BAHAN KAJIAN

Drama yang menjadi bahan kajian ini ialah drama Arab bersiri yang bertajuk *Flag of Truth*. Drama ini mengisahkan sejarah kehidupan dan perjuangan Saidina Umar al-Khattab RA dalam meluaskan empayar Islam dan memerangi musuh-musuh Islam. Drama ini yang setiap episodnya berdurasi selama satu jam telah disiarkan di saluran Astro Oasis dalam bulan Ramadan tahun 2010.

5. STRATEGI PENTERJEMAHAN

Analisis terhadap penterjemahan unsur-unsur budaya dilakukan dengan berpandukan kepada strategi-strategi penterjemahan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh terjemahan seperti Newmark (1988, 68-93) dan Baker (1992 23-43). Kajian ini hanya memilih strategi yang sesuai digunakan untuk menterjemah unsur budaya dalam penyarikataan sahaja. Strategi-strategi tersebut ialah:

5.1 Penterjemahan Literal (*Literal Translation*)

Penterjemahan literal tergolong dalam penterjemahan kata demi kata. Sebelum sesebuah teks itu diterjemahkan secara literal, biasanya penterjemah akan menterjemahkan teks secara 'katawi' dahulu. Kemudian teks tersebut akan diubahsuai dengan menambah perkataan yang perlu ditambah dan menggugurkan perkataan yang dirasakan perlu digugurkan (Maheram 2008, 116). Penterjemahan literal ini juga lebih berfokus kepada penterjemahan yang mengambil sepenuhnya makna perkataan yang terdapat dalam kamus.

5.2 Peminjaman (*Transference*)

Peminjaman ialah proses memindahkan perkataan sesuatu bahasa ke dalam bahasa lain. Proses ini juga disebut sebagai transkripsi atau kata pinjaman (Newmark 1988, 81). Dalam konteks penterjemahan budaya Arab-Melayu, strategi peminjaman boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu:

5.2.1 Transliterasi

Transliterasi merupakan penukaran huruf perkataan daripada abjad sesuatu tulisan kepada huruf yang selaras bunyinya dalam abjad sistem tulisan lain (Kamus Dewan Edisi Keempat 2007, 1713). Newmark (1988, 82) menyebut, transliterasi ialah proses peminjaman yang diikuti dengan proses memadankan atau menyesuaikan perkataan bahasa sumber dengan tulisan dan morfologi bahasa sasaran. Strategi ini dipraktikkan dalam menangani perkataan budaya sumber yang tidak ada padanan yang tepat dan sesuai dalam bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, aplikasi strategi ini hanya dilakukan ke atas perkataan sumber yang belum menjadi kata pinjaman atau kata serapan bahasa sasaran. Contohnya *Bayt al-Hikmah*, *Bayt al-Niran* dan sebagainya.

5.2.2 Asimilasi

Asimilasi ialah peminjaman yang menghasilkan kata pinjaman bercirikan penyerapan dalam bahasa Melayu. Kata pinjaman ini diistilahkan sebagai kata serapan dan ciri-cirinya dapat dikesan berdasarkan ejaan dan bunyi. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007, 57), kata pinjaman penyerapan ialah sesuatu

perkataan yang telah sebatikan di dalam bahasa yang meminjam. Proses penyerapan perkataan asing ke dalam bahasa Melayu ini disebut sebagai proses asimilasi. Perkataan asimilasi diambil daripada perkataan *assimilate* yang bermaksud menyerap (menjadi sebahagian darinya). *Assimilation* bererti penyerapan (*New Oxford Dictionary* 2012, 43). Asimilasi melibatkan pertukaran bunyi dan sebutan perkataan asal mengikut bahasa penerima. Contohnya perkataan imam, insan, murtad dan abad. Penggunaan strategi ini merujuk kepada perkataan unsur budaya yang telah menjadi kata pinjaman serapan dalam bahasa sasaran.

5.2.3 Kata Pinjaman

Strategi ini merujuk kepada penggunaan kata pinjaman selain perkataan bahasa sumber yang diterjemahkan dalam teks tersebut. Menurut Goh (2008, 481), strategi kata pinjaman ini tidak terbatas kepada pemindahan kata daripada bahasa sumber sahaja, malah termasuk pemindahan kata daripada bahasa asing yang lain. Perbezaan antara strategi asimilasi dengan strategi ini ialah, strategi asimilasi menggunakan perkataan sumber itu sendiri sebagai padanan. Sebagai contoh, dalam ayat ini, *زرت أم المؤمنين* diterjemahkan kepada *Saya menziarahi Ummul Mukminin*. Manakala strategi kata pinjaman pula menggunakan perkataan lain, sama ada daripada bahasa sumber itu sendiri atau daripada bahasa asing yang lain. Contohnya perkataan *التوفيق* dipadankan dengan hidayah dan perkataan *الإدارة* dipadankan dengan pejabat.

5.3 Padanan Fungsian (*Functional equivalence*)

Strategi ini dilakukan dengan cara menggunakan istilah atau konsep dalam bahasa sasaran yang hampir sama dengan bahasa sumber. Proses generalisasi dan neutralisasi dilakukan dalam strategi ini untuk mengubah suai unsur-unsur teks asal yang tidak ada dalam bahasa sasaran (Newmark 1988, 83). Dalam kaedah ini juga teks sasaran menggunakan ungkapan atau padanan yang tidak berunsurkan budaya dan lebih bersifat umum (Goh 2008, 481). Contoh penggunaan strategi ini ialah dapat dilihat dalam terjemahan perkataan *الشطائر والفتائر* yang secara khususnya bermaksud *roti sandwich* dan *pastri* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dalam bentuk umum sebagai *roti dan kuih* (Maheram 2008, 278-279).

5.4 Padanan Budaya (*Cultural equivalence*)

Perkataan yang mengandungi unsur budaya dalam teks asal diterjemahkan dengan perkataan yang mengandungi unsur budaya sasaran (Newmark 1988, 82-83). Melalui strategi ini, perkataan sasaran yang diberikan biasanya mempunyai fungsi yang sama dalam budaya sasaran, dengan fungsi perkataan sumber dalam budayanya, walaupun terdapat perbezaan pada bentuk. Padanan budaya juga melibatkan aspek bahasa kiasan seperti perumpamaan dan peribahasa. Hal ini kerana bahasa kiasan berkait rapat dengan aspek budaya. Penggunaan strategi ini dalam terjemahan Arab-Melayu dapat dilihat pada terjemahan perkataan *وزير* kepada bendahara.

5.5 Sinonimi (*Synonymy*)

Dalam strategi ini, kata sinonim digunakan sebagai padanan terdekat dalam teks sasaran untuk perkataan dalam konteks teks sumber. Strategi ini dipraktikkan apabila padanan yang tepat tidak wujud atau padanan literal untuk perkataan tersebut tidak sesuai, dan disyaratkan agar perkataan itu bukan merupakan perkataan yang

penting dalam teks tersebut (Newmark 1988, 84; Goh 2008, 481). Sebagai contoh ayat ... أعلن الدكتور حسن كتاني أنه بحث مع وفد الغابات موضوع إنتاج الخشب ... telah diterjemahkan *Dr Hasan Kattani telah mengumumkan bahawa beliau telah berbincang dengan Delegasi Perhutanan berkenaan penghasilan kayu balak*. (Tengku Ghani t.t, 45-46). Dalam terjemahan ini perkataan بحث yang pada asalnya bermaksud mengkaji atau menyelidik (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan 2006, 94) diberikan padanan yang terdekat iaitu *berbincang* kerana maksud secara literal tidak sesuai.

5.6 Padanan Deskriptif (*Descriptive equivalence*)

Dalam strategi ini penterjemah mendatangkan padanan yang berbentuk penerangan sesuatu konsep bahasa sumber yang tidak wujud dalam bahasa sasaran (Goh 2008, 481). Strategi ini digunakan dalam menangani perkataan sumber yang sangat berkait dengan budaya khas bahasa sumber dan penggunaan strategi padanan budaya tidak dapat memberikan tahap makna yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, dalam penyarikataan, padanan deskriptif yang diberikan tidak boleh terlalu panjang kerana ruang paparan dan masa tayangan sari kata amat terbatas. Contoh penggunaan strategi ini dapat dilihat dalam terjemahan teks *Rihlah Ibn Battutah*, iaitu ... منها الشكي والبركي، وهي أشجار عادية ... yang diterjemahkan sebagaiialah *al-Syaki* dan *al-Barki*, kedua-duanya merupakan pokok yang mempunyai jangka hayat yang sangat panjang. Kaum Ad dianggap oleh orang Arab sebagai simbol umur panjang. Oleh itu, 'pokok kaum Ad' bermaksud pokok yang mempunyai jangka hayat yang panjang (Syed Nurul Akla 1999, 88).

5.7 Modulasi

Strategi modulasi terdiri daripada beberapa bentuk dan prosedur. Penterjemahan budaya juga banyak melibatkan strategi modulasi yang bersifat perubahan bentuk umum kepada bentuk yang spesifik atau strategi pengkhususan dan perubahan bentuk spesifik kepada bentuk umum atau strategi generalisasi. Contohnya *squeaky toys* diterjemahkan sebagai *mainan*, *quarter back* diterjemahkan sebagai *pemain bola* (Hasuria 2006, 368-369).

5.8 Kuplet

Strategi ini merupakan kombinasi mana-mana dua strategi yang telah disebutkan. Apabila penyari kata menggunakan dua strategi dalam menterjemah sesuatu unsur budaya, maka strategi ini dinamakan strategi kuplet. Contohnya dalam kajian Nur Hafeza (2009, 555) tentang penterjemahan unsur budaya Melayu dalam *The Hikayat Abdullah*, perkataan *sapir* telah diterjemahkan sebagai *sapir or gaoler*. Penterjemah menggunakan strategi kuplet dengan menggabungkan strategi peminjaman dan strategi padanan fungsian.

6. ANALISIS DATA

6.1 Episod 22 Flag of Truth (i)

Sari kata	Dialog
al-Hutay'ah: Kau tinggalkan aku dan keluargamu melayan aku seperti unta sakit!	الخطيئة: لقد تركتني وجائاني أهلي بيته كالبعير المعبد.

Selain fenomena alam semula jadi, budaya ekologi juga melibatkan haiwan serta tumbuh-tumbuhan yang hidup di tempat tersebut. Antara haiwan yang sangat sinonim dengan kehidupan masyarakat Arab ialah unta. Dalam dialog di atas terdapat perkataan بعير . Menurut Kamus Ilmiah al-Khalil (2007, 75), ia bermaksud *unta yang sudah tumbuh gigi taring*. Kamus Besar Dewan (2006, 152) pula memberikan maksudnya sebagai *unta yang boleh ditunggang dan membawa barang-barang biasanya apabila berumur 4 tahun*.

Dalam Kamus *al-Ra'id* (1981, 329) maksud yang diberikan ialah الجميل الذي أنشقت نابيه [unta yang telah tumbuh taring, kuat dan boleh ditunggang dan membawa barang]. Kamus *al-Munjid* (1986, 43) pula memberikan maksudnya sebagai الجميل البازل للذكر والأنثى [unta jantan atau betina yang telah cukup umur dan tumbuh gigi]. Antara pengertian-pengertian di atas, pengertian yang diberikan oleh Kamus Besar Dewan dan Kamus *al-Ra'id* dilihat tepat untuk menjelaskan maksud بعير. Berdasarkan maksud-maksud yang diberikan oleh kamus-kamus ini, بعير adalah unta yang sudah dewasa serta boleh ditunggang dan membawa barang-barang.

Dalam bahasa Arab, terdapat banyak perkataan yang menunjukkan kepada unta dengan pengertian yang lebih spesifik. Antaranya ialah الجميل، الأبل، الناقة dan pelbagai lagi. Keadaan ini berlaku kerana unta merupakan ternakan yang utama dan binatang yang mempunyai banyak peranan dalam kehidupan mereka. Sebaliknya, dalam masyarakat Melayu, binatang ini tidak wujud dan tiada peranannya dalam kehidupan mereka. Oleh sebab itu, dalam bahasa Melayu hanya terdapat satu perkataan sahaja yang melambangkan binatang tersebut. Perkataan بعير diterjemahkan sebagai unta dalam sari kata di atas. Dalam *Kamus Dewan* (2007, 1774) ia bermaksud *sejenis binatang besar yang lehernya panjang (kuku berbelah) dan belakangnya berbonggol*. Terjemahan ini menunjukkan penyari kata menggunakan strategi modulasi dengan generalisasi. Melalui strategi ini, penyari kata memberikan maksud بعير dengan padanan yang lebih umum. Walau bagaimanapun terjemahan ini dianggap sesuai dan sudah memadai untuk menyampaikan mesej dialog sumber.

6.2 Episod 26 Flag of Truth (i)

Sari kata	Dialog
Asim: Ingatlah waktu itu dan ingat apa yang Allah rahmati kita. Tidakkah kamu nampak di belakang kamu terbentang padang pasir yang tiada arak di dalamnya atau tempat untuk bersembunyi? Jadi tumpukan perhatian untuk akhirat.	عاصم: اذكروا الأيام وما منحكم الله فيها، أولا ترون أن الله جعل من ورائكم منايات قفار ليس فيها خمر ولا وزر يؤكل إليه ولا يمتنع به. إجعلوا همك الآخرة.

Sampel di atas memaparkan satu unsur ekologi Arab yang banyak mempengaruhi kehidupan dan keperibadian mereka. Perkataan قفار yang terdapat dalam dialog di atas bermaksud *gurun yang tandus dan tak berpenghuni* (Kamus Ilmiah al-Khalil 2007, 769). Kamus Besar Dewan (2006, 1913) pula memberikan maksudnya sebagai *tanah gersang kering kontang yang tiada penghuni, air dan tumbuhan*.

Kamus *al-Munjid* (1986, 645) menyatakan maksud perkataan ini sebagai الخلاء من الأرض لا ماء فيه ولا ناس ولا كلاء [tempat sunyi yang tiada air, tiada manusia dan tiada padang rumput]. Dalam kamus *al-Ra'id* (1981, 1193) pula ia dimaksudkan sebagai

أرض قفار- خالية من أهلها *tanah gersang yang tidak berpenghuni*. Berdasarkan maksud yang ditunjukkan oleh kamus-kamus di atas, jelaslah قفار merupakan tanah gersang yang kering-kontang, tiada sumber air serta tiada tumbuhan atau makhluk yang menghuninya. Keadaan ini menggambarkan kepayahan dan kesukaran kepada mereka yang berada di situ.

Perkataan قفار diterjemahkan sebagai *padang pasir* dalam sari kata di atas. Perkataan padang pasir sebenarnya merujuk kepada صحراء, iaitu kawasan padang pasir yang luas dan kering-kontang. صحراء mempunyai ciri-ciri قفار dan dengan itu boleh dikatakan ia adalah sebahagian daripada قفار. Dalam menterjemahkan unsur budaya ekologi ini, penyari kata menggunakan strategi modulasi dengan pengkhususan dengan mendatangkan padanan yang berbentuk sebahagian daripada keseluruhan atau lebih khusus daripada perkataan sumber. Padanan ini dianggap sesuai, namun perkataan gurun dirasakan lebih tepat. Terjemahan keseluruhan dialog juga dianggap masih belum sempurna. Terjemahan yang tepat dan lengkap bagi dialog ini ialah :

“Ingatlah detik itu dan ingatlah apa yang telah Allah anugerahkan kepada kita. Tidakkah kamu lihat di belakang kamu **gurun** yang terbentang luas, yang tiada arak dan tiada bukit untuk berlindung. Oleh itu, tumpukan perhatian kamu pada akhirat.”

6.3 Episod 14 Flag of Truth (i)

Sari kata	Dialog
al-Zubruqan: Apa yang dah berlalu biarkanlah. Berbuat baik pada diri sendiri dan ikut aku balik ke kampung halamanmu .	الزبرقان: إن ما مضى لن يعود، فاحفظ لنفسك وعد معي إلى ديارنا.

Dialog di atas memaparkan satu lagi unsur budaya masyarakat Arab. Perkataan ديار merupakan kata jamak bagi دار yang bermaksud *rumah, kediaman, negeri atau kabilah* (Kamus Ilmiah al-Khalil 2007, 342). Menurut Kamus Besar Dewan (2006, 792) ia bermaksud *tempat yang mengandungi bangunan dan perkarangannya, rumah kediaman, negeri atau suku kaum*.

Kamus *al-Munjid* (1986, 229) pula memberikan maksudnya sebagai المحل والمسكن والبلد والقبيلة. وعند الفقهاء : إسم العرصة التي تشتمل على بيوت وحصن غير مسقوف [tempat, rumah, negara, kabilah. Menurut fuqaha ia ialah nama kawasan perumahan yang terdiri daripada rumah-rumah dan perkarangan yang tidak beratap]. Dalam Kamus *al-Ra'īd* (1981, 654) pula ia bermaksud المحل الذي يضم البناء والساحة، المنزل، البلد، القبيلة [tempat yang mengandungi binaan dan halaman atau rumah, negeri dan kabilah]. Kesemua kamus di atas menerangkan dengan jelas maksud ديار. Daripada pengertian yang diberikan, ديار merupakan asal seseorang individu sama ada merujuk kepada rumah atau negeri atau kabilah.

Berdasarkan sari kata yang diberikan, ديار dipadankan dengan perkataan *kampung halaman*. Kamus Dewan (2007, 667) memberikan maksud kampung sebagai *kawasan kediaman yang terdiri daripada sekumpulan rumah dan terletak di luar bandar*. Frasa kampung halaman pula ditakrifkan sebagai *kampung tempat lahir*. Frasa kampung halaman juga merupakan satu peribahasa Melayu yang merujuk kepada *tempat kelahiran* (Kamus Peribahasa Kontemporari 2011, 239).

Dalam menterjemahkan budaya ini, penyari kata menggunakan strategi padanan budaya dengan menggantikan kata *ديار* kepada *kampung halaman*. Strategi ini digunakan apabila terdapat padanan budaya yang sesuai dalam bahasa sasaran. Frasa *kampung halaman* merupakan peribahasa yang digunakan dalam budaya Melayu bagi melambangkan tempat asal atau tempat kelahiran. Ia adalah padanan yang sesuai dan yang sama dengan *ديار*. Walau bagaimanapun, terjemahan bagi keseluruhan dialog ini masih boleh diperbaiki. Pengkaji mencadangkan dialog ini diterjemahkan begini :

“*Apa yang dah berlalu takkan kembali lagi. Jaga diri kau baik-baik dan ikut aku balik ke kampung halaman kita.*”

6.4 Episod 14 Flag of Truth (ii)

Sari kata	Dialog
Tulayhah: Aku memang nak dia buat begitu. Jadi aku pakai baju perisai di bawah jubahku .	طليحة: وكدت كانت رايتي ... لبست دراعا من زرد تحت عباءتي .

Pakaian sesuatu bangsa merupakan antara unsur budaya material yang agak sukar untuk diterjemahkan. Dalam dialog di atas disebut sejenis pakaian, iaitu *عباءتي*. Perkataan *عباءة* dimaksudkan sebagai *jubah yang terbelah di tengah yang dipakai di atas baju biasa* (Kamus Ilmiah al-Khalil 2007, 611). Dalam Kamus Besar Dewan (2006, 1498) pula maksud perkataan ini dijelaskan sebagai *baju labuh yang tidak berkancing seperti jubah*. Dalam kamus *al-Ra'id* (1981, 998), *عباءة* bermaksud *كساء من صوف أو غيره، مشقوق من قدام، واسع، بلا كم، يلبس فوق الثياب*. [pakaian daripada bulu atau selainnya, terbelah di bahagian depan, tanpa kancing dan dipakai di atas baju]. Kamus *al-Munjid* (1986, 483) pula memberikan maksudnya sebagai *كساء مفتوح من قدام يلبس فوق الثياب* [pakaian yang terbuka di bahagian hadapan dan dipakai di atas baju].

Daripada maksud yang dikemukakan dalam kamus-kamus ini, dapat difahami bahawa perkataan *عباءة* ialah sejenis baju yang labuh atau panjang hingga ke kaki, terbelah di bahagian tengah, tidak berkancing dan dipakai di atas baju lain. Perkataan ini telah diterjemahkan sebagai *jubah*. Perkataan *jubah* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab *الجبة* yang mempunyai maksud yang sama dengan perkataan *العباءة*. Jubah dijelaskan dalam Kamus Dewan (2007, 640) sebagai *sejenis baju panjang cara Arab (dipakai oleh paderi, hakim dan sebagainya)*.

Walaupun bagaimanapun, dalam konteks pakaian dan bidang fesyen di negara kita, perkataan *jubah* juga digunakan untuk merujuk kepada pelbagai bentuk busana muslimah termasuk pakaian yang labuh hingga ke paras lutut atau kaki dan tidak terbelah di bahagian hadapan. Dengan kata lain perkataan *jubah* menunjukkan kepada pengertian yang lebih umum bagi baju panjang atau labuh. Dalam terjemahan ini, penyari kata menggunakan strategi kuplet yang menggabungkan strategi kata pinjaman dan strategi padanan fungsian. Melalui strategi kata pinjaman, penyari kata menggunakan perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab. Melalui strategi padanan fungsian pula, penyari kata memadamkan kata budaya dalam teks sumber dengan padanan yang umum dalam bahasa sasaran.

Sebagai rumusannya, penyari kata mendatangkan padanan yang tepat bagi perkataan ini dengan menggunakan strategi kuplet dengan gabungan strategi padanan fungsian dan kata pinjaman bagi perkataan *عباءتي*. Terjemahan bagi

keseluruhan dialog ini dianggap baik, dan tiada terjemahan alternatif yang dicadangkan.

6.5 Episod 14 Flag of Truth (iii)

Sari kata	Dialog
Zayd: Aku bersama khalifah ketika Umar al-Khattab datang dan berkata padaku. Kami bimbang ada ayat Quran yang akan hilang. Kumpulkanlah mashaf dan minta bantuan sesiapa yang kau mahu.	زيد: لقد كنت مع الخليفة، وجاء عمر الخطاب وقال لي، إننا نخشى أن تضيع آية من الذكر الحكيم، فاجمع في المصحف واستعن بمن تشاء.

Dialog di atas memaparkan satu unsur budaya material masyarakat Arab Islam pada zaman itu, iaitu mashaf. Perkataan *المصحف* berasal daripada *صحف - أصحاف*. Perkataan *إصحافا* bermaksud *mengumpulkannya sebagai lembaran*. *المصحف* bermaksud *kertas atau tulisan yang ditulis di atasnya*. Manakala *المصحف* diberikan maksudnya sebagai *mashaf al-Quran al-Karim* (Kamus Besar Dewan 2006, 1325).

Menurut *al-Mujam al-wasit* (t.t, 508), *المصحف* adalah *مجموع من الصحف في مجلد، وغلب* [himpunan kertas dalam bentuk jilid, biasanya digunakan untuk al-Quran]. Kamus *al-Munjid* (1986, 417) pula menyatakan maksudnya sebagai *ما جمع من الصحف بين دفتي الكتاب المشدود* [himpunan lembaran kertas daripada kulit ke kulit bercantum].

Berdasarkan pengertian yang dipetik daripada kamus-kamus di atas, *المصحف* adalah lembaran kertas yang tertulis ayat-ayat al-Quran di atasnya, yang dikumpul dan kemudiannya disusun menjadi seperti buku. Perkataan ini disarikatakan sebagai *mashaf*. Perkataan ini telah menjadi kata pinjaman daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu. Kamus Dewan (2007, 1002) memberikan maksud mashaf sebagai *jilid atau naskhah al-Quran yang bertulis tangan*. Berdasarkan padanan yang diberikan penyari kata telah menggunakan strategi asimilasi. Selain menukar aksara, sistem tulisan bahasa sumber kepada bahasa sasaran, bunyi dan sebutan perkataan sumber juga ditukar mengikut bahasa sasaran.

Terjemahan ini dianggap amat sesuai dan tepat. Memandangkan tidak ada perkataan Melayu yang paling tepat untuk dijadikan padanan *مصحف*, penggunaan strategi asimilasi dapat menangani budaya material ini serta memindahkan mesej ini kepada penonton sasaran. Walau bagaimanapun, terjemahan keseluruhan dialog dilihat kurang tepat. Terjemahan yang dicadangkan ialah :

“Aku bersama Khalifah ketika Umar datang dan berkata padaku, “Kami bimbang ada ayat Quran yang akan hilang. Kumpulkanlah ayat-ayat itu menjadi **mashaf** dan mintalah bantuan sesiapa yang kau mahu.”

6.6 Episod 14 Flag of Truth (iv)

Sari kata	Dialog
Rustum: Kau Boran? Boran: Ya, aku diminta tunggu di sini di kuil api ini . Mereka kata raja menanti aku di sini dan aku patut rahsiakan semua ini.	رستم: أنت بوران؟ بوران: نعم قيل لي أن تسير الى بيت النيران الخالد. ملك الملوك ينتظرك هنا. وقيل لي ليبقى ذلك سرا.

Dalam dialog di atas terdapat perkataan بيت النيران yang merujuk kepada tempat ibadat atau tempat penyembahan api masyarakat Parsi masa itu. Perkataan بيت mempunyai beberapa makna. Kamus Ilmiah al-Khalil (2007, 93) memberikan maksudnya sebagai *makam, keluarga, Kaabah, kehormatan, satu bahagian dari satu tempat dan rumah*. Menurut Kamus Besar Dewan (2006, 191), البيت bermaksud *rumah, perhiasan rumah, Kaabah, perkuburan*. Dalam Kamus al-Ra'id (1981, 344) البيت dimaksudkan sebagai الشرف، بيت الرجل: عياله، البيت العتيق أو البيت الحرام: المسكن، المنزل، القبر، البيت [rumah, kubur, kemuliaan; Bayt al-Rajul bermakna keluarganya, Bayt al-Atiq bermaksud kaabah]. Kamus al-Munjid (1986, 55) memberikan maksud yang hampir sama dengan Kamus al-Ra'id.

Berdasarkan maksud yang diberikan, البيت bukan sahaja membawa maksud *rumah*, tetapi ia juga mempunyai beberapa pengertian yang lain seperti *kemuliaan, keluarga serta rangkap puisi*. Perkataan ini juga digunakan bagi merujuk kepada tempat-tempat yang mulia dan dihormati apabila digabungkan dengan perkataan-perkataan tertentu seperti Baitullah, Bayt al-Atiq, Bayt al-Haram dan Bayt al-Quds. Walau bagaimanapun dalam konteks dialog di atas, pengertian yang pertama, iaitu *rumah* adalah paling sesuai.

Perkataan النيران pula merupakan kata jamak bagi perkataan النار yang bermaksud api (Kamus Ilmiah al-Khalil 2007, 980). Jika diterjemahkan secara harfiah, frasa ini membawa maksud *rumah api*. Akan tetapi terjemahan *rumah api* tidak menepati maksud sebenar dialog sumber. Perkataan rumah juga tidak mempunyai maksud terhormat dan mulia sebagaimana perkataan بيت. Sari kata yang diberikan bagi frasa ini ialah *kuil api*. Kamus Dewan (2007, 841) memberikan maksud *kuil* sebagai *rumah berhala atau tempat memuja dewa-dewa*. Dalam konteks masyarakat di negara kita, perkataan *kuil* sering dikaitkan dengan tempat penyembahan patung-patung dan tempat atau rumah ibadat penganut agama Hindu atau pun Buddha. Dalam sari kata di atas, perkataan *kuil* digabungkan dengan perkataan *api* yang diterjemahkan daripada perkataan النيران menjadi *kuil api*.

Terjemahan ini dilihat dapat menyampaikan mesej yang dibawa oleh dialog sumber. Penyari kata menggunakan strategi kuplet dengan menggabungkan strategi penterjemahan dan strategi padanan budaya. Strategi penterjemahan literal dilihat melalui terjemahan النيران sebagai *api* dan strategi padanan budaya diaplikasi pada terjemahan بيت kepada *kuil*. Kewujudan visual yang menunjukkan suasana penyembahan api membantu pemindahan mesej dialog sumber. Walau bagaimanapun terjemahan bagi keseluruhan dialog boleh diperbaiki dan cadangan terjemahan bagi dialog tersebut adalah seperti berikut :

“Ya, aku diminta tunggu **di kuil api** ini. Kata mereka Raja sedang menantiku di sini dan aku diminta merahsiakannya.”

6.7 Episod 14 Flag of Truth (v)

Sari kata	Dialog
Yazdajard: Ini surat dari Gabenor Maysan . Dia berkata tentera berkuda Arab sedang menyerang khemah dan kubu kita. Mereka membunuh, menjarah harta kemudian berundur.	يزدجرد: إنه خبر من مرزبان ميسان. يخبرنا به أن فرسانا من العرب يغيرون على مسالحننا ومعسكرنا، ينهضون ويقتلون وينسحبون.

Terdapat pelbagai jawatan dalam sistem pemerintahan sesebuah negara. Struktur organisasi pentadbiran dalam sesebuah sistem pemerintahan adalah berbeza antara sebuah negara dengan negara yang lain. Perkataan *مرزبان* dalam dialog di atas bermaksud *kepala* atau *pemimpin* (Kamus Ilmiah al-Khalil 2007, 884). Kamus Besar Dewan (2006, 190) memberikan maksudnya sebagai *ketua orang-orang Parsi*.

Kamus *al-Munjid* (1986, 755) memberikan maksud sebagai *عند الفرس: الرئيس* [ketua bagi orang Parsi]. Dalam kamus *al-Ra'id* (1981, 1359), maksud *مرزبان* dijelaskan sebagai *المرزبان: الرئيس، المرزبانة. عند الفرس: الولاية،* [digunakan oleh masyarakat Parsi bagi merujuk kepada kepimpinan asal Parsi].

Berdasarkan maksud yang diberikan dalam kamus-kamus di atas, dapat difahami bahawa *المرزبان* ialah satu jawatan dalam pentadbiran kerajaan Parsi yang merujuk kepada ketua bagi sesuatu wilayah. Perkataan ini diterjemahkan sebagai *gabenor* dalam sari kata di atas. Menurut definisi yang diberi oleh Kamus Dewan (2007, 419), *gabenor* ialah orang yang dilantik untuk menjadi ketua sesebuah negeri atau wilayah (biasanya tanah jajahan). Ia juga merujuk kepada ketua pemerintah wilayah, penyelia, pengurus, ketua atau orang yang mengetuai sesebuah organisasi atau institusi. Perkataan ini berasal daripada perkataan Inggeris, *governor* yang bermaksud *a person who rules or control a region of state, a leader of a group of people who control an organization* [orang yang mengawal sesebuah kawasan, ketua yang mengawal sesebuah organisasi] (New Oxford English-English-Malay Dictionary 2012, 367).

Penjelasan yang dikemukakan oleh kamus-kamus di atas menunjukkan kata *gabenor* digunakan bagi merujuk kepada ketua atau individu yang bertanggungjawab memimpin atau mengetuai sesuatu wilayah, organisasi atau institusi. Penyari kata menggunakan strategi kuplet dengan menggabungkan strategi padanan fungsian dan kata pinjaman dalam menterjemahkan budaya sosial *مرزبان* kepada *gabenor*. Perkataan *gabenor* merupakan gelaran yang pernah digunakan kepada ketua negeri Melaka dan Pulau Pinang. Perkataan ini turut digunakan di negara lain dan mempunyai fungsi yang sama dengan *مرزبان*. Ciri *مرزبان* iaitu ketua bagi sesebuah wilayah juga terdapat dalam *gabenor*. Terjemahan yang diberikan oleh penyari kata dilihat sesuai dan tepat. Walau bagaimanapun, terjemahan bagi keseluruhan dialog di atas masih boleh diperbaiki agar lebih ringkas dan memenuhi tuntutan peraturan teks sari kata. Cadangan bagi terjemahannya ialah :

“Berita dari **Gabenor** Maysan menyatakan tentera berkuda Arab sedang menyerang kubu dan khemah kita. Mereka mara, membunuh, kemudian berundur.”

6.8 Episod 22 Flag of Truth (ii)

Sari kata	Dialog
Al-Zubruqan: Hasan berhujah dengan baik sebab dia penyajak yang hebat. Tiada apa yang aku nak tambah. Katanya satira Abu Malekah kepada Al-Zubruqan adalah yang amat buruk.	زبرقان: لقد قال حسن هو شاعر الشعراء، وليس بعد قوله في شعره قول . إن هجاء أبي مليكة الى زبرقان في هذا البيت من أذع ما هجا فيه العرب.

Drama *Flag of Truth* turut memaparkan kisah penyair dan fenomena kesusasteraan Arab khususnya puisi pada zaman itu. Masyarakat Arab sangat sinonim dengan puisi. Puisi merupakan unsur sosial yang utama bagi masyarakat Arab bermula dari zaman jahiliah dan zaman selepasnya. Puisi jahiliah adalah salah satu sumber terpenting untuk mengkaji sejarah bangsa Arab sebelum kedatangan Islam dan ia juga merupakan cemin yang memaparkan kehidupan, budi pekerti dan adat istiadat masyarakat jahiliah serta peristiwa dan peperangan zaman tersebut.

Dalam dialog di atas terdapat perkataan هجاء yang merupakan salah satu tema puisi berbentuk kecaman serta sindiran. هجاء bermaksud mencela, mengkritik, menghitung keaibannya (Kamus Ilmiah al-Khalil 2007, 1055). Menurut Kamus Besar Dewan (2006, 2493), هجاء bermaksud celaan, cercaan dan biasanya dengan menggunakan puisi. Kamus *al-Ra'id* (1981, 1552) pula menyebut, perkataan هجاء berasal dari perkataan وهجاء، هجوا، يهجو، هجا yang bermaksud عابه وشتمه (mengaibkannya, memakinya). Kamus *al-Munjid* (1986, 856) memberikan maksudnya sebagai عدد معايبه ووقع فيه وشتمه [menghitung keaibannya, mencela dan memakinya].

Perkataan الهجاء dalam sari kata di atas diterjemahkan sebagai *satira*. Perkataan *satira* diambil dari perkataan bahasa Inggeris *satire* yang bermaksud karangan sindiran (Junior English Dictionary 2005, 529). Kamus Dewan (2007, 1396) pula memberikan makna *satira* sebagai karya (prosa atau puisi) yang mempersenda dan menyindir orang. Pengertian yang terdapat dalam Kamus Dewan ini menunjukkan pemilihan perkataan *satira* adalah tepat untuk menterjemahkan perkataan هجاء.

Berdasarkan terjemahan ini, penyari kata menggunakan strategi kata pinjaman dalam memberikan padanan perkataan هجاء. Melalui strategi ini, penyari kata menggunakan perkataan bahasa Inggeris yang telah diasimilasi atau diserap ke dalam bahasa Melayu. Penyari kata merasakan maksud asal perkataan هجاء iaitu celaan, cercaan, kritikan atau sindiran, tidak dapat membawa pengertian هجاء dengan sempurna. Oleh itu penyari kata memadankan هجاء dengan *satira*. Terjemahan ini dapat memperkenalkan kosa kata baru kepada masyarakat sasaran, namun pengkaji berpendapat penggunaannya yang masih asing dalam kalangan masyarakat sasaran boleh menyebabkan mesej dialog gagal disampaikan. Pengkaji mencadangkan unsur budaya sosial ini diterjemahkan sebagai *celaan*. Cadangan bagi keseluruhan dialog ini ialah:

“Hassan adalah pemuais yang paling hebat. Tidak ada sebarang kritikan setelah mendengar puisinya. Beliau mengatakan sesungguhnya celaan Abu Maleekah kepada al-Zubruqaan dalam rangkap puisi ini adalah seburuk-buruk celaan.”

6.9 Episod 26 Flag of Truth (ii)

Sari kata	Dialog
Al-Mughirah: Rumahnya adalah rumah terbaik di tanah kami, sementara baninya adalah bani yang paling dihormati antara bani kami. Baginda adalah orang yang paling alim, paling bijak dan paling sabar.	المغيرة: بيته من أعظم بيوتنا، وقبيلته من أعرف قبائلنا، وهو كان بيننا على هذه الحال، أعتلنا وأبرنا وألمنا.

Ciri budaya sosial masyarakat Arab juga boleh dilihat dalam corak kehidupan mereka yang mempunyai puak atau suku kaum tertentu. Perkataan قبيلة yang terdapat di dalam dialog di atas bermaksud *satu keturunan* (Kamus Ilmiah al-Khalil 2007,

737). Menurut Kamus Besar Dewan (2006, 1867) pula *قبيلة* ialah *suku kaum iaitu kumpulan manusia daripada satu keturunan*. Kamus *al-Munjid* (1986:60) memberikan maksudnya sebagai *بني أب واحد*. Dalam Kamus *al-Ra'id* (1981, 1153) pula ia bermaksud *كيان إجتماعي اقتصادي سياسي يضم عائلات تجمع بينها روابط القربى وتخضع أبناء أب واحد* atau *أبناء أب واحد* [satu entiti politik sosio ekonomi yang mengandungi beberapa keluarga dihubungkan dengan hubungan kerabat dan patuh kepada seorang ketua] .

Perkataan ini diberikan padanannya sebagai *bani* dalam sari kata dialog ini. Perkataan *bani* bermaksud *anak cucu keturunan Adam* dan ia merupakan kata pinjaman Arab (Kamus Dewan 2007, 123). Perkataan *قبيلة* lebih umum daripada perkataan *bani*. Sesebuah kabilah terdiri daripada beberapa *bani* di dalamnya (al-Tha`alibi t.t, 218). Sebagai contoh kabilah Quraysh terdiri daripada Bani Hasyim, Bani Abd al-Manaf dan Bani Abd al-Mutalib. Oleh itu, strategi yang digunakan dalam terjemahan ini ialah strategi kuplet dengan menggabungkan strategi modulasi dengan strategi kata pinjaman. Melalui strategi modulasi, penyari kata memberikan padanan berbentuk lebih khusus bagi perkataan berbentuk umum. Melalui strategi kata pinjaman, penyari kata memilih perkataan Arab yang telah dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu untuk dijadikan padanan perkataan tersebut.

Perkataan *قبيلة* telah menjadi kata pinjaman dan diasimilasi ke dalam bahasa Melayu. Perkataan ini dimuatkan dalam Kamus Dewan (2007, 648) dan diberikan maksud sebagai suku bangsa atau kaum. Oleh itu pengkaji berpendapat, penggunaan strategi asimilasi dengan meletakkan perkataan kabilah sebagai padanan adalah lebih sesuai. Di samping dapat mengekalkan unsur budaya sosial sumber, ia juga dapat memperkenalkan budaya sumber kepada penonton sasaran. Terjemahan bagi keseluruhan dialog ini dicadangkan seperti berikut :

“Keluarganya adalah yang termulia dan kabilahnya adalah yang tersohor dalam kalangan kami. Begitulah baginda sejak dari dulu, insan yang paling bijak, paling baik dan paling bersopan-santun.”

7. DAPATAN KAJIAN

Analisis yang dilakukan ke atas data-data kajian menunjukkan beberapa strategi penterjemahan seperti penterjemahan literal, asimilasi, kata pinjaman, padanan fungsian, padanan budaya, pengkhususan, generalisasi dan kuplet digunakan dalam menterjemahkan unsur budaya Arab ke dalam bahasa Melayu. Analisis yang dijalankan juga mendapati penggunaan strategi padanan budaya dan padanan fungsian dalam terjemahan boleh memindahkan mesej teks sumber kepada penonton sasaran dengan pantas dan jelas serta menyelami maksud tersirat dalam sesuatu teks. Hal ini demikian kerana unsur budaya sumber tersebut diberikan padanan yang umum atau padanan yang wujud dalam sosiobudaya masyarakat sasaran. Meskipun penggunaan strategi ini menghasilkan terjemahan yang kurang dari segi darjah ketepatannya, namun mesej penting dapat dipindahkan kepada penonton sasaran. Berdasarkan analisis yang dijalankan juga, kajian ini ingin mencadangkan kaedah atau strategi penterjemahan yang sesuai bagi unsur budaya dalam teks sari kata sebagaimana berikut:

- i. Strategi peminjaman atau asimilasi menjadi alternatif utama dalam penyarikataan sekiranya unsur budaya tersebut sudah dikenali oleh masyarakat sasaran dan perkataan budaya itu juga sudah menjadi kata serapan dalam bahasa sasaran seperti *مصحف* (mashaf) dan *قبيلة* (kabilah).

- ii. Penggunaan kata pinjaman atau kata serapan yang masih asing dalam kalangan penonton sasaran seperti *satira*, tidak digalakkan dalam teks sari kata.
- iii. Dalam menangani unsur budaya khusus yang hanya terdapat dalam bahasa dan budaya sumber, penterjemahan harus dilakukan mengikut langkah-langkah berikut:
 - a. Penyari kata harus melihat kepada pengertian yang diberikan oleh kamus-kamus dalam bahasa sasaran. Sekiranya maksud yang dikemukakan oleh kamus boleh mendukung mesej yang terkandung dalam perkataan sumber dan sesuai dengan konteks penggunaan ayat, maka strategi penterjemahan literal boleh digunakan.
 - b. Sekiranya strategi penterjemahan literal tidak sesuai, penyari kata harus membuat pemerhatian kepada fungsi dan bentuk. Penyari kata boleh mencari perkataan dalam budaya dan bahasa sasaran yang dapat membawa mesej perkataan sumber tersebut. Strategi ini dinamakan strategi padanan budaya. Contohnya perkataan *جارية* dipadankan dengan *dayang*.
 - c. Sekiranya tidak ada perkataan dalam budaya sasaran yang dapat menangani unsur budaya ini, penyari kata boleh menggunakan strategi padanan fungsian dengan mencari perkataan berbentuk umum yang mempunyai fungsi yang sama dengan perkataan bahasa sumber tersebut. Sebagai contoh *جارية* dipadankan dengan *pembantu* atau *orang gaji*.
 - d. Sekiranya perkataan budaya tersebut diungkapkan bersama tayangan visual yang dapat menjelaskan pengertian perkataan tersebut atau terdapat dialog dalam babak sebelum atau selepasnya yang dapat menjelaskan maksudnya, strategi pinjaman secara transliterasi dan strategi penterjemahan literal boleh digunakan. Contohnya perkataan *هجاء* boleh diterjemahkan sebagai *hija'* atau *celaan*.
 - e. Sekiranya unsur budaya tersebut tidak dibantu oleh visual atau dialog lain, strategi padanan deskriptif wajar menjadi pilihan. Sebagai contoh, *هجاء* dipadankan dengan frasa *puisi berbentuk celaan*. Walau bagaimanapun, sekiranya huraian itu agak panjang, strategi ini sewajarnya digunakan kali pertama sahaja.

KESIMPULAN

Penterjemahan unsur budaya merupakan suatu cabaran yang harus mendapat perhatian yang sewajarnya daripada penterjemah atau pun penyari kata. Pemahaman yang jelas tentang budaya sumber membantu penterjemah dalam menentukan strategi penterjemahan yang sesuai untuk diaplikasi dalam mencari padanan bagi sesuatu unsur budaya. Pemilihan strategi penterjemahan yang sesuai menjadi faktor utama kepada kejayaan sesuatu terjemahan dalam menyampaikan mesej sumber kepada pembaca ataupun penonton sasaran. Walau bagaimanapun, dalam penterjemahan melibatkan teks sari kata, matlamat utama bukanlah untuk memperkenalkan unsur budaya sumber kepada penonton sasaran, tetapi membantu penonton mengadaptasi, menyelami dan menghayati budaya tersebut agar proses penyampaian mesej penting terlaksana.

RUJUKAN

- Abdul Basir Awang. 2002. Ketidakbolehterjemahan katawi dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anzaruddin Ahmad. 2005. Penterjemahan teks yang mengandungi perumpamaan Melayu ke bahasa Arab: Keperluan memahami perbezaan pandangan dunia masyarakat Melayu dan Arab. *Prosiding Penterjemahan Antarabangsa Ke-10*, hlm. 459-465.
- Baker, M. 1992. *In Other Words: A Coursebook on Translation*. London & New York: Routledge.
- Dayang Zainon Hj Mohd Tahir. 2008. Penterjemahan sumber Inggeris berdasarkan persepsi budaya Brunei: satu tinjauan awal ke arah penulisan sejarah Brunei. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11*, hlm. 469-479.
- Goh Sang Seong. 2008. Strategi penterjemahan aspek-aspek budaya bahasa Mandarin-bahasa Melayu. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11*, hlm 480-497.
- Hanley, S. B. 1997. *Everyday Things in Premodern Japan: The Hidden Legacy of Material Culture*. America: University of California Press.
- Hasuria Che Omar. 2006. *Penterjemahan Audiovisual Televisyen*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junior English Dictionary*. 2005.t.tp: Federal Chambers.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Ilmiah al-Khalil*. 2007. Abu Abdullah Hanafi Hj Dollah. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Luyken, G.M., Herbst, T., Langham-Brown, J., Reid, H. & Spinhof, H. 1991. *Overcoming Language Barriers in Television*. UK: The European Institute for the Media.
- Maheram Ahmad. 2008. Permasalahan penterjemahan Arab-Melayu: satu analisis teks sastera. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Majdi Ibrahim. 2009. *al-Tarjamah bayna al-^cArabiyyah wa al-Malayuwiyyah: Al-Nazariyyat wa al-Mabadi'*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Majdi Ibrahim & Akmal Khuzairy Abd Rahman. 2009. Translating cultural differences: the meeting of Arabic and Malay cultures. *Jurnal Penterjemah* 1: 73-88.
- al-Mu^cjam al-Wasit*. t.th. Anis, Ibrahim, Muntasir, ^cAbd al-Halim, al-Sawalihi ^cAtiyyah & Ahmad Muhammad Khaf Allah. t.tp: t.pt
- al-Munjid fi al-lughah wa al-a^clam*. 1986. Beirut: Dar al-Mashriq.
- New Oxford English-English-Malay Dictionary*. Edisi ke-2. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Newmark, P. 1988. *A Textbook of Translation*. New York London: Prentice Hall.
- Nida, E.A. 1964. *Towards a Science of Translation*. Leiden: E.J.Brill.
- Norazit Selat. 1989. *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nur Hafeza Ahmad Marekan & Wan Rose Eliza Abdul Rahman. 2011. Budaya material (pakaian) di Muzium Tekstil Negara: analisis prosedur terjemahan. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-13*, hlm. 179-195.
- Nur Hafeza Ahmad Marekan. 2009. Penterjemahan unsur budaya bahasa Malaysia dalam Hikayat Abdullah dan The Hikayat Abdullah. *Prosiding Penterjemahan Antarabangsa Ke-12*, hlm 546-559.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2008. Menelusuri unsur komunikasi silang budaya dalam penterjemahan 'Memoirs of geisha' (kenang-kenangan seorang geisha). *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11*, hlm. 498-507.
- al-Ra'id Mu^cjam Lughawi^c Asri. 1981. Mas^cud, Jibrān. Jil 1&2. Beirut: Dar al-^cIlmi li al-Malayin.
- Reha Mustafa. 2009. Konsep masa dalam bahasa Arab: pengenalan terhadap perbezaan persepsi jahiliyyah dan Islam. *Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ke-2*. hlm.248- 263.
- Saberi Othman. 1986. *Pengenalan Ekologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sri Qamariah Mohd Samsir, Norizah Ardi & Saliza Ismail. 2011. Kaedah terjemahan dalam Payung berdaulat warisan beradat. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-13*, hlm. 209-218.
- Suhaila Zailani Hj Ahmad. 2006. *Penterjemahan Alf Laylah wa Laylah*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Syed Nurul Akla Syed Abdullah. 1999. Faktor leksiko-budaya dalam penterjemahan karya Rihlah Ibn Battutah. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-7*, hlm.69-91.
- Tengku Ghani Tengku Jusoh. t.th. *Koleksi Terjemahan Akhbar-Akhbar Arab*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- al-Tha^calibi, Abu Mansur Isma^cil. t.th. *Fiqh al-Lughah wa Sirr al-^cArabiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.
- Wan Amizah Wan Mahmud. 1998. Kaedah penterjemahan sari kata dokumentari dan komedi semasa di televisyen: satu kajian perbandingan. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.